

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

**HSM 502 – SEJARAH POLITIK MALAYSIA**

Masa : 2 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana TIGA soalan sahaja.

- 2 -

1. Huraikan secara jangka panjang dan menurut kaedah pensejarahan apa yang anda faham dengan konsep “nasionalisme Melayu”.
2. “Kecuali Jajahan Selat, Tanah Melayu sebenarnya tidak pernah benar-benar dijajah oleh Great Britain. Kemerdekaan yang dicapai dalam tahun 1957 adalah suatu peristiwa pelik yang menurunkan status politik orang Melayu daripada suatu bangsa penentu kepada satu kaum dalam negara baru yang dikatakan merdeka itu”. Ulaskan.
3. “Kemerdekaan Tanah Melayu telah dicapai secara rundingan dan tanpa pertumpahan darah hasil usaha Parti Perikatan yang mengambil kira kepentingan semua penduduknya. Golongan lain gagal kerana mereka mengamalkan dasar perkauman serta enggan berunding dengan pihak British”. Nilaiakan pernyataan di atas.
4. Nilaiakan kedudukan dan peranan Singapura dalam perkembangan politik di Tanah Melayu dan Malaysia antara 1930-an hingga 1960-an.
5. “Sebenarnya Peristiwa Tigabelas Mei 1969 bukanlah disebabkan oleh semangat perkauman yang melampau. Ia berpunca daripada dasar British dan kelemahan kerajaan yang memerintah”. Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?

- ooo0ooo -